



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN PEMBUATAN BULANAN, MALAYSIA JUN 2025

Jualan sektor Pembuatan berkembang 3.3 peratus, mencapai RM161.2 bilion pada Jun 2025

PUTRAJAYA, 7 Ogos 2025 - Nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 3.3 peratus tahun ke tahun (Mei 2025: 2.4%), berjumlah RM161.2 bilion pada Jun 2025. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Perangkaan Pembuatan Bulanan, Malaysia, Jun 2025** pada hari ini.

Mengulas prestasi jualan Pembuatan terkini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan nilai jualan dalam sektor Pembuatan disumbangkan terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, kekal pertumbuhan dua angka dengan peningkatan 14.7 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 13.0%). Pertumbuhan ini juga disokong oleh subsektor Peralatan elektrik & elektronik dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam, yang masing-masing meningkat sebanyak 4.5 peratus (Mei 2025: 4.4%) dan 3.0 peratus (Mei 2025: 3.7%). Pada masa yang sama, nilai jualan meningkat 1.6 peratus, mencapai RM161.2 bilion berbanding RM158.6 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya."

Pertumbuhan nilai jualan bagi industri berorientasikan eksport yang mewakili 72.5 peratus daripada jumlah jualan, tumbuh 2.4 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 2.1%). Prestasi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan sebanyak 15.9 peratus (Mei 2025: 14.1%). Sementara itu, Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal berkembang sebanyak 3.8 peratus (Mei 2025: 4.2%), dan Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. meningkat sebanyak 10.5 peratus (Mei 2025: 7.7%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport melonjak kepada 4.1 peratus (Mei 2025: -0.4%).

Begitu juga, industri berorientasikan domestik melonjak sebanyak 5.6 peratus pada Jun 2025, selepas peningkatan 3.0 peratus pada Mei 2025. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam Pembuatan produk pemprosesan makanan pada 14.0 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: 12.8%); serta dalam industri Pembuatan logam asas (6.2%); dan Pembuatan produk logam kecuali mesin & kelengkapan (2.2%). Walaubagaimana pun, industri berorientasikan domestik susut 4.4 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Mengulas mengenai bilangan pekerja, Ketua Perangkawan menyatakan, “Sejumlah 2.39 juta orang pekerja direkodkan dalam sektor ini pada Jun 2025, bertambah sebanyak 1.0 peratus (Mei 2025: 0.9%). Pertambahan ini dipacu terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (2.2%); Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (1.3%); dan Peralatan elektrik & elektronik (1.1%). Berasaskan bulan ke bulan, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang sebanyak 0.3 peratus.

Seiring dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga mencatatkan peningkatan 1.6 peratus (Mei 2025: 1.5%), berjumlah RM8.3 bilion pada Jun 2025. Selain itu, gaji & upah yang dibayar bertambah baik sebanyak 0.2 peratus berbanding RM8.3 bilion yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Selanjutnya, nilai jualan bagi setiap pekerja mencatatkan RM67,387 (2.3%), manakala purata gaji & upah bagi setiap pekerja adalah RM3,482, meningkat 0.7 peratus tahun ke tahun.”

Merumuskan kenyataannya, Ketua Perangkawan berkata, “Bagi suku tahun kedua 2025, jualan sektor Pembuatan mencecah RM480.2 bilion, menunjukkan pertumbuhan 3.4 peratus (ST1 2025: 4.0%). Peningkatan ini terutama disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (12.9%); dan produk Elektrik & elektronik (6.0%). Seterusnya, bilangan pekerja dan gaji & upah pada suku tahun tersebut masing-masing meningkat sebanyak 1.0 peratus (ST1 2025: 1.1%) dan 1.8 peratus (ST1 2025: 1.8%).

Dalam tempoh separuh tahun pertama ini (Januari – Jun 2025), nilai jualan sektor Pembuatan berjumlah RM955.8 bilion, meningkat 3.7 peratus berbanding tempoh yang sama 2024 (Januari – Jun 2024: 3.7%). Bilangan pekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada 2.39 juta orang, manakala gaji & upah meningkat 1.8 peratus kepada RM50.2 bilion, dengan nilai jualan setiap pekerja berjumlah RM399,545, tumbuh 2.7 peratus.”


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Malaysia
Jun 2024 - Jun 2025**




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 7 Ogos 2025


Carta 2: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST2 2023 – ST2 2025




Carta 3: Pertumbuhan Jualan Subsektor Pembuatan, Malaysia, Mei dan Jun 2025



Carta 4: Nilai Jualan Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik bagi Sektor Pembuatan, Malaysia, Jun 2024 – Jun 2025



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport dan Domestik Mengikut Kumpulan, Mei dan Jun 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 OGOS 2025